



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 28 JANUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	67 TAN SEKOI DRI UKRAINE DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -14 TIGA KONTENA SEKOI DARI UKRAINE DIRAMPAS, NEGERI P.PINANG/JOHOR, SH -24 MAQJS RAMPAS 40 POKOK LIMAU DARI CHINA, SELAGOR/KL/JOHOR/P.PINANG, SH -26 MAQJS EMPAT NEGERI BUAT RAMPASAN, LOKAL, HM -27 22.9 TAN DAGING KAMBING GUNA LOGO HALAL PALSU, NASIONAL, BH -8 LIMAU MANDARIN, TOMATO SELUDUP DIRAMPAS, NASIONAL, BH -8	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
7.	PBT MENGAKU SUKAR TANGKAP LEMBU, NEGARA, KOSMO -11	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16.	DAGING KAMBING TANPA LOGO HALAL DIRAMPAS, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -21 TIADA HAD KOUTA IMPORT BUMIPUTERA, DALAM NEGERI, UM -10 SELESAI DAHULU KARTEL DAGING BUKAN BUMIPUTERA, DALAM NEGERI, UM -10 HASIL LUMAYAN TIMUN FERTIGASI, BISNES SINAR, SH -29 PPP PERAK BIMBING 20 PESERTA KENDALI PROGRAM TERNAK AYAM KAMPUNG, KOMUNITI KITA, KOSMO -32 NAVIGATING THROUGH ROUGH SEAS IN JB, NEWS, THE STAR -2 FIVE LOCATIONS IDENTIFIED FOR FISHING INDUSTRY ZONES IN STATE, NEWS, THE STAR -2 CITY COUNCIL TO TAP INTO AGRO-TOURISM POTENTIAL, NEWS, THE STAR -3 PROGRAMME AIMS TO GET B40 FISHERMEN TO PLANT CROPS, NEWS, THE STAR -3	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

67 tan sekoi dari Ukraine dirampas

SEBERANG PERAI – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) negeri menyita tiga kontena berisi kira-kira 67 tan sekoi ketika pemeriksaan di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT), Butterworth di sini kelmarin.

Pengarahnya, Zarina Ramli berkata, pemeriksaan rutin pukul 5.15 petang itu mendapati, produk dari Ukraine berkenaan didapati tidak mematuhi syarat-syarat pada permit import.

"Justeru, Maqis menahan tiga kontena mengandungi 3,120 guni berisi milet (sekoi) seberat 67,000 kilogram

bernilai kira-kira RM390,881.09 untuk tindakan lanjut.

"Siasatan mendapati, tujuan pengimportan produk tersebut adalah untuk dijadikan produk bagi makanan manusia serta dipasarkan di Malaysia dan luar negara," katanya kepada pemberita hari ini.

Kes itu disiasat mengikut Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Sekoi adalah sejenis bijirin yang dikisar untuk dijadikan tepung yang menjadi bahan makanan utama di beberapa negara seperti di India dan juga Afrika Barat. Ia juga boleh dijadikan bubur.



SEBUAH kontena yang sarat dengan guni berisi sekoi dirampas Maqis di NBCT, Butterworth kelmarin.

Tiga kontena sekoi dari Ukraine dirampas

Produk itu tidak patuhi syarat permit import

Oleh MOHD ISKANDAR
OTHMAN

BUTTERWORTH

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang mengagalkan cubaan membawa masuk tiga buah kontena berisi sekoi dari Ukraine di Pelabuhan Pengkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT), di sini Ahad lalu.

Pengarahnya, Zarina Ramli berkata, tiga kontena terbabit dikesan oleh pegawai penguatkuasa Maqis dalam pemeriksaan rutin di Tapak Pemeriksaan NBCT sebelum menemukan 3,120 guni beg berisi sekoi seberat 67,000 kilogram (kg) dengan nilai RM390,881.09.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut mendapati barangan dagangan itu tidak mematuhi syarat seperti yang dinyatakan pada permit import Maqis.

"Kegagalan mematuhi syarat permit import Maqis menjadi kesalahan di bawah Seksyen 15(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara se-



Antara kontena yang dirampas Maqis di NBCT pada Ahad lalu.

lama tempoh tidak melebihi enam (6) tahun atau keduanya sekali di bawah Seksyen 15(2) Akta yang sama," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Rabu.

Zarina berkata, siasatan mendapati tujuan pengimportan sekoi tersebut untuk diproses sebagai makanan manusia dan dipasarkan di Malaysia dan juga luar negara.

Katanya, Maqis sentiasa menjalankan pemeriksaan setiap keluaran pertanian yang masuk dalam negara bagi memastikan keluaran pertanian termasuk ikan dan haiwan yang diimport mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Jelasnya, langkah itu bagi menjamin keselamatan makan, bebas daripada perosak dan penyakit serta halal untuk dimakan oleh rakyat di negara ini.



SEKOI

- Sejenis tumbuhan dalam kategori rumput
- Hasilnya dituai sebagai bijirin untuk makanan
- Tanaman penting di India, Mali, Nigeria dan Niger
- Mudah ditanam dan mengeluarkan hasil yang banyak dalam tempoh singkat
- 97 peratus pengeluarannya datang dari negara sedang membangun
- Sumber makanan kepada manusia dan haiwan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/1/2021	SINAR HARIAN	NEGERI SELANGOR/KL/ JOHOR/P.PINANG	26

Maqis rampas 40 pokok limau dari China

PELABUHAN KLANG - Cubaan menyeludup masuk pokok limau dari China di Pelabuhan Barat di sini berjaya dipatahkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor Sabtu lalu.

Pengarah Maqis Negeri Selangor, Dr Tarmisal Alimin berkata, hasil pemeriksaan sepasukan pegawainya pada jam 11.30 pagi itu mendapati sebanyak 40 pokok limau dari negara China yang dianggarkan bernilai RM680 itu ditahan kerana tiada permit import sah yang dikeluarkan Maqis selain tiada sijil fitosanitasi dari negara asal.

Menurutnya, pokok limau tersebut diletakkan bersama dengan pokok bunga kering yang mempunyai permit yang sah bagi mengelirukan pegawai yang bertugas.

"Hasil siasatan mendapati tujuan pokok limau ini dibawa

masuk ke Malaysia adalah untuk pemberian hadiah sempena perayaan Tahun Baharu Cina nanti.

"Kesemua pokok limau tersebut akan dilupuskan mengikut prosedur operasi piawai yang sudah ditetapkan," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Mengulas lanjut, Tarmisal berkata, penahanan keluaran pertanian itu adalah bagi mengekang kemasukan serangga perosak kerana sekiranya ia terlepas, haiwan perosak itu boleh menyebabkan industri pertanian negara terjejas.

Jelasnya, perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit yang sah adalah menjadi suatu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) Akta yang sama.



Maqis Selangor merampas 40 pokok limau yang diimport dari China di Pelabuhan Barat Klang Sabtu lalu

Maqis empat negeri buat rampasan

Kuala Lumpur: Sejak Sabtu lalu hingga kelmarin, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) di empat negeri merampas pelbagai barangan tidak diisytihar bernilai hampir RM950,000 dengan yang tertinggi memabitkan limau mandarin dianggarkan berjumlah lebih RM531,000.

Pada rampasan terbesar di Johor Bahru kelmarin, Maqis Johor merampas 149.6 tan metrik limau mandarin bernilai RM531,525 di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) dekat sini.

Pengarahnya, Nur Affiah A Rahman berkata, rampasan jam 4 petang itu dilakukan hasil pemeriksaan terhadap enam kontena.

"Pemeriksaan mendapati konsainan limau mandarin dari China itu tidak mempunyai Sijil Perakuan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) 3P (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan).

"Kami turut merakam keterangan seorang pemandu kenderaan berusia 30 tahun bagi membantu siasatan," katanya, semalam.

Di Butterworth, Pulau Pinang, Maqis negeri gagal-gagal cubaan pengimport membawa masuk 67 tan milet atau sekoi (tanaman bijirin) dari Ukraine bernilai RM390,881.

Pengarahnya, Zarina Ramli berkata, ia dirampas pada pemeriksaan di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini, jam 5.15 petang kelmarin.

"Kami memeriksa tiga kontena berisi produk pertanian dan mendapati ia ti-

dak mematuhi syarat pada permit import ditetapkan.

"Ia dibawa masuk untuk dijadikan produk proses bagi pasaran tempatan dan eksport. Ia disita untuk tindakan lanjut," katanya.

Di Alor Setar, Kedah, Maqis negeri merampas lebih 21 tan tomato bernilai RM21,000 yang cuba diseludup dari Thailand ke negara ini, kelmarin.

Pengarahnya, Lily Rosalind Paul berkata, produk pertanian itu dirampas dalam pemeriksaan ke atas sebuah lori di Kompleks Imigresen, Kastam Kuarantin dan Keselamatan (KCQS), Bukit Kayu Hitam, jam 12.30 tengah hari.

"Tomato dibawa masuk ke negara ini tanpa mematuhi syarat import seperti dinyatakan dalam Sijil 3P," katanya.

Di Pelabuhan Klang, Selangor pula, Maqis negeri merampas 40 batang pokok limau China yang diletak di sehalik pokok bunga kering dalam kontena bernilai RM680.

Pengarahnya, Dr Tarnis Alimin berkata, pokok limau itu ditemui pada pemeriksaan di Pelabuhan Barat, jam 11.30 pagi, Sabtu lalu.

"Pokok limau itu diletak bersama pokok bunga kering yang mempunyai permit sah bagi mengelirukan kami. Pokok limau itu tiada permit import sah dikeluarkan Maqis selain tiada sijil fitosanitasi dari negara asal. Ia akan dilupuskan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan," katanya.



RAMPASAN tomato yang dibuat di Alor Setar.

22.9 tan daging kambing guna logo halal palsu

MAQIS Pulau Pinang rampas produk bernilai lebih RM480,000

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Pulau Pinang merampas daging kambing import dari New Zealand seberat kira-kira 22.9 tan bernilai lebih RM480,000 yang tidak menggunakan logo halal diiktiraf, dalam pemeriksaan di Terminal Konte-

na Butterworth Utara (NBCT), semalam.

Berdasarkan maklumat sumber, dalam serbuan dipercayai kira-kira jam 12.30 tengah hari itu, pegawai MAQIS Pulau Pinang menahan sebuah kontena berikutan dipercayai membawa masuk bekalan daging, *Mutton Shoulder Bone In* tanpa logo halal diiktiraf, selain tiada label pembungkusan.

"Pemeriksaan dalam kontena kemudian menemui barangan *Mutton Shoulder Bone In* seberat kira-kira 22.9 tan bernilai RM482,527.32.

"Semakan melalui borang Kastam (KI) mendapati barangan berkenaan diimport sebuah syarikat beralamat di Selangor," katanya, di sini, semalam.

Sumber berkata, MAQIS Pulau

Pinang kemudian menyita semua komoditi dan kontena dirampas untuk tindakan selanjutnya.

Sementara itu, Pengarah MAQIS Pulau Pinang, Zarina Ramli ketika dihubungi mengesahkan tahanan terbabit.

Bellau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 13 Akta MAQIS 728 yang mana logo halal digunakan dalam pembungkusan di luar kotak tidak menggunakan logo halal diiktiraf pihak berkuasa Malaysia.

Katanya, kesalahan itu boleh dihukum mengikut Seksyen 15(1) Akta MAQIS 728.

"Kes juga disiasat mengikut kesalahan kerana tiada label dalam pembungkusan bahagian dalam kotak seperti disyaratkan yang mana kesalahan pengimport itu boleh dihukum mengikut Seksyen



Pek daging kambing tanpa logo halal diiktiraf yang dirampas di Terminal Kontena Butterworth Utara, semalam.

15(2) akta sama," katanya.

Ahad lalu, MAQIS Kedah merampas lebih 61 tan ayam sejuk beku dianggar bernilai RM495,608 yang cuba diseludup dari Thailand tanpa mematuhi syarat import dan dipercayai dibawa dari pusat penyembelihan tidak diiktiraf serta merakukan.

Dalam kejadian kira-kira jam 4 petang itu, lori membawa ayam yang sudah dipotong kepada 5,161 bahagian itu ditahan dalam pemeriksaan di Kompleks Imigresen, Kastam Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit

Kayu Hitam.

Pada Disember tahun lalu, *BH* melaporkan wujudnya kartel mendalangi penyeludupan daging import dari negara sumber tidak sah, dengan produk yang dibawa masuk diragui halal status dan kualitinya, disyaki dengan 'membeli' beberapa kakitangan kerajaan.

Susulan itu, lima pegawai MAQIS disiasat kerana disyaki terbabit kegiatan rasuah berhubung kemasukan daging beku tidak dibenarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Limau mandarin, tomato seludup dirampas

Johor Bahru: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Johor merampas 149.6 tan limau mandarin bernilai RM531,525.50 menerusi pemeriksaan di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), di sini, semalam.

Pengarahnya, Nur Afifah A Rahman, berkata dalam operasi jam 4 petang itu, pihaknya melakukan pemeriksaan ke atas enam kontena, selain mengambil keterangan pemandu kenderaan berusia 30 tahun.


Pemeriksaan lanjut, katanya, mendapati konsainan limau mandarin dari China itu tidak mempunyai Sijil Perakuan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) SP (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan).

"Semua konsainan itu seberat kira-kira 149,600 kilogram (kg)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit import, lesen atau perakuan sah MAQIS adalah salah mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh ditukur mengikut Seksyen 11(3) akta sama.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Nur Afifah berkata, jabatan berkenaan komited menjalankan penguatkuasaan undang-undang, selain terus memperkasa semua piri-



Kontena muatan limau mandarin dari China tanpa permit dirampas di PTP, Johor Bahru, semalam, manakala (gambar kanan) lori membawa tomato diseludup dari Thailand ditahan di ICQS Bukit Kayu Hitam, kelmarin.

tu masuk negara bagi memastikan kawalan penyakit ikan, haiwan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan terpelihara, termasuk mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan.

Di Alor Setar, MAQIS Kedah merampas lebih 21 tan tomato di-

angarkan bernilai RM21,000, yang cuba diseludup dari Thailand ke negara ini, kelmarin.

Produk pertanian itu dirampas dalam pemeriksaan ke atas sebuah lori di Kompleks Imigresen, Kastam Kuarantin dan Keselamatan (ICQS), Bukit Kayu Hitam,

pada jam 12.30 tengah hari.

Pengarah MAQIS Kedah, Lily Rosalind Paul, berkata tomato itu dibawa masuk ke negara ini tanpa mematuhi syarat import ditetapkan iaitu pengredan, pembungkusan dan pelabelan seperti dinyatakan dalam sijil SP.



PBT mengaku sukar tangkap lembu

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI
NIK ADNAN

KEMAMAN – Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) mengaku pihaknya menghadapi kesukaran untuk menangkap haiwan ternakan yang berkeliaran di Lebuh Raya Pantai Timur 2 (LPT2).

Yang Dipertua MPK, Jusman Ibrahim berkata, operasi menangkap haiwan ternakan seperti lembu dan kerbau di lebuhraya agak mencabar kerana faktor lokasi dan logistik.

"Kita hadapi kesukaran untuk menangkap haiwan ternakan di LPT2. Ini kerana, kebiasaannya haiwan tersebut akan meluru masuk ke dalam kawasan ladang kelapa sawit berhampiran lebuhraya untuk melarikan diri apabila didekati anggota penguat kuasa.

"Haiwan tersebut bijak menyelinap masuk melalui lubang pagar lebuhraya yang sedia berlubang," katanya ketika dihubun-



KERATAN Kosmo semalam.

PENGUAT KUASA MPK menjalankan operasi menangkap lembu di LPT2. Kemaman baru-baru ini

gi Kosmo! di sini semalam. Jusman memberitahu, secara purata hanya dua ekor haiwan ternakan berjaya ditangkap dalam setiap operasi yang telah dilakukan di LPT2 sejak 2016.

Begitupun, beliau menegaskan MPK tidak pernah berputus asa dan tetap komited bekerjasama

dilakukan secara berkala sejak tahun 2016," ujarnya.

Dalam perkembangan sama, Jusman memberitahu, pihaknya berjaya menangkap 73 ekor haiwan ternakan berkeliaran di sekitar daerah tersebut sepanjang tahun lalu.

Jelasnya, kesemua haiwan ternakan merangkumi 14 ekor lembu dan 59 ekor kambing tersebut ditangkap dalam 26 operasi yang dilakukan di daerah ini.

"Kita telah mengutip korpun sebanyak RM2,000 selain RM11,000 menerusi sesi lelongan dan tebusan haiwan ternakan yang ditangkap pada tahun lalu," ujarnya.

Kosmo/ Isnin lalu melaporkan kemalangan disebabkan haiwan ternakan semakin menjadi-jadi di LPT2 termasuk terbaharu melibatkan dua kereta yang merempuh sembilan ekor lembu hingga mati di KM291.1 berhampiran Kijal di sini pada 22 Januari lalu.

"Operasi menangkap dan memindahkan haiwan ternakan berkeliaran di LPT2 konsisten

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/1/2021	SINAR HARIAN	MAHKAMAH & JENAYAH	21

Daging kambing tanpa logo halal dirampas

BUTTERWORTH - Satu kontena daging kambing dari New Zealand dirampas di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) di sini pada Selasa.

Daging kambing tanpa logo halal yang diiktiraf itu dianggarkan seberat 22,861 kilogram (kg) bernilai lebih RM480,000.

Difahamkan, kontena terbabit dipercayai membawa masuk bekalan daging, 'Mutton Shoulder Bone In' yang tidak menggunakan logo halal diiktiraf selain tiada label dalam pem-

bungkusan.

"Semakan melalui borang Kastam (K1) mendapati barangan berkenaan diimport sebuah syarikat beralamat di Selangor," katanya pada Rabu.

Kontena berkenaan disita dan semua komoditi berkenaan dirampas untuk tindakan selanjutnya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang, Zarina Ramli ketika dihubungi *Sinar Harian* mengesahkan penahanan terbabit namun enggan mengulas lanjut.

Import daging sejuk beku sejajar langkah liberalisasi sejak tahun 2016

Tiada had kuota import bumiputera

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Tidak ada sekatan atau had kuota ditetapkan kepada mana-mana pihak untuk mengimport daging sejuk beku dari luar negara sama ada dalam kalangan bumiputera atau bukan bumiputera.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, perkara itu berdasarkan langkah liberalisasi yang dibuat sejak tahun 2016 dengan tidak menghad atau menentukan kuantiti import.

Sebaliknya, kata beliau, mana-mana pihak yang berminat untuk mengimport daging dari luar negara dibenarkan berbuat demikian dengan memperoleh kebenaran mengimport daripada Kementerian selepas permohonan dibuat.



AHMAD HAMZAH

Katanya, ini termasuk memenuhi syarat hanya mengimport daging daripada rumah penyembelihan yang diluluskan kerajaan Malaysia dan mengikut prosedur yang ditetapkan kerajaan.

Bagaimanapun, beliau berkata, pada masa ini terdapat 125 syarikat bumiputera atau meliputi 61 peratus daripada keselu-

ruhan 318 syarikat pengimport yang berdaftar secara pentadbiran dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar setakat Disember tahun lalu.

"Namun, amat menyedihkan purata syarikat bumiputera yang aktif mengimport adalah sekitar antara lapan hingga 10 peratus.

"Justeru, adalah tidak benar mengatakan bahawa pengimport daging bumiputera dinafikan atau dipinggirkan oleh Kementerian memandangkan majoriti syarikat yang diluluskan adalah bumiputera.

"Begitu juga isu monopoli bernilai berbilion ringgit dikawal oleh beberapa pengimport bukan bumiputera yang sering dibangkitkan adalah tidak benar kerana urusan rundingan perniagaan di antara pengimport dan pengeksport adalah berasaskan *business to business*, dan ia tidak

melibatkan agensi kerajaan," katanya ketika ditemui di pejabat beliau, semalam.

Dalam pada itu, Ahmad berkata, keupayaan syarikat untuk mengimport adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan, logistik dan rantaian pemasaran syarikat tersebut yang merupakan di luar bidang kuasa Kementerian.

Pada masa sama, beliau menjelaskan, pihak Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar tidak pernah membuat sekatan atau mengawal mana-mana syarikat pengimport sama ada bumiputera atau bukan bumiputera untuk mengurus niaga dan mengimport daging untuk pasaran dalam negara.

Ujar beliau, syarikat yang berdaftar sebagai pengimport daging sejuk beku hanya boleh mengimport daging sejuk beku dari rumah penyembelihan yang telah diluluskan oleh kera-

jaan di bawah Perintah Binatang (Pengimportan) 1962 menurut Seksyen 5 Akta Binatang 1953 (Akta 647) (terpakai di Semenanjung Malaysia).

"Syarikat pengimport daging yang tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan akan digugurkan daripada senarai pendaftaran pengimport secara pentadbiran oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar," katanya.

Sebelum ini, bekas Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman mendedahkan bahawa pengimport daging bumiputera dinafikan hak dan peluang dalam industri itu sejak sekian lama.

Tajuddin mendakwa, industri bernilai berbilion ringgit itu dimonopoli dan dikawal beberapa pengimport bukan bumiputera, sedangkan pasaran terbesar daging halal adalah orang Melayu Islam.



SAHARUDDIN LELA



SULAIMAN BAKAR



MUZAMMIL MUALLIF

Jual saham FGV: Peneroka keliru

TEMERLOH: Rata-rata peneroka di sini keliru dan tidak faham dengan tindakan Felda yang menawarkan pembelian saham FGV Holdings Berhad (FGV) yang dimiliki mereka dengan harga RM1.30 per unit.

Ketua Peneroka Felda Jengka 6, Saharuddin Lela berkata, Felda perlu membuat penjelasan terperinci berhubung perkara tersebut supaya tidak wujud salah faham dalam kalangan peneroka.

"Memandangkan sekarang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 ekoran Covid-19, Felda perlu memikirkan kaedah munasabah supaya penjelasan berhubung perkara itu dapat segera dibuat.

"Kita perlukan penjelasan

berhubung rasional tawaran berkenaan (jual saham FGV)," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Ketua Peneroka Felda Wilayah Jengka, Sulaiman Bakar berkata, penerangan menyeluruh perlu dilakukan supaya semua pihak faham tujuan sebenar Felda untuk mengambil semula saham FGV milik peneroka.

Katanya, oleh kerana kekangan Covid-19, penerangan boleh dibuat melalui aplikasi WhatsApp atau menerusi aplikasi sosial lain secara dalam talian.

Ketua Peneroka Felda Jengka 7, Ahmad Zubir Abdul Rahim mengakui tidak mengetahui hujung pangkal kerana setakat ini belum diberitahu tentang pen-

jualan saham FGV milik peneroka itu.

Sementara itu, Pengerusi Dewan Perniagaan Bumiputera Felda (DPBF) Pahang, Muzammil Muallif bersetuju dengan pandangan Presiden Alumni Majlis Belia Felda Malaysia (AMBFM), Datuk Abdullah Abu Bakar supaya peneroka tidak menjual saham mereka.

Katanya, ia selari dengan penegasan pemimpin dan pegawai tertinggi Felda sebelum ini yang mengingatkan peneroka supaya jangan berbuat demikian.

"Seharusnya, ada usaha bersepadu saham FGV milik peneroka ini ditambah dari semasa ke semasa bagi meningkatkan lagi ekonomi peneroka," katanya.

Selesai dahulu kartel daging bukan bumiputera

KUALA LUMPUR: Kerajaan digesa menyelesaikan masalah berkaitan kartel daging yang dimonopoli oleh bukan bumiputera terlebih dahulu yang dilihat cuba mengambil kesempatan sehingga menjejaskan peluang mengimport daging bumiputera di negara ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ahli Parlimen Pasir Salak, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman berkata, soal sekatan dan had kuota atau berapa banyak syarikat bumiputera yang berdaftar secara sah dengan Jabatan Veterinar tidak timbul kerana masalah yang berlaku adalah monopoli oleh pengimport bukan bumiputera.

Beliau juga menyelar kenyataan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah yang hanya menyebut soal syarat pengimportan daging, jumlah penyertaan syarikat bumiputera dengan Jabatan Veterinar yang setakat ini berjumlah 61 peratus daripada keseluruhan 318 syarikat pengimport berdaftar.

"Soal berapa ratus orang pemegang permit atau



TAJUDDIN ABDUL RAHMAN

ada yang menyekat bukan masalahnya. Sekarang ini, kartel bukan bumiputera yang berpakat mengimport daging sejuk beku telah menimbulkan masalah kepada pengimport bumiputera kerana tiada bekalan daging.

"Kalau ada 100 atau 200 orang pemegang permit bumiputera tetapi tiada bekalan daging, apa yang boleh dilakukan dengan permit itu? Faham tak? Bila dengar macam ini, payahlah nak respect (hormat) menteri dan timbalan menteri," katanya ketika ditubungi di sini semalam.

Hasil lumayan timun fertigasi

Belia di Hulu Terengganu sertai projek fertigasi dengan peruntukan RM50,000

Oleh FARAH SHAZWANI

Pertanian bandar semakin mendapat tempat, khususnya bagi anak muda kerana pengendaliannya yang lebih mudah. Melibatkan potensinya untuk berkembang, Majlis Belia Daerah Hulu Terengganu (MBHT) memulakan projek tanaman fertigasi timun bagi membantu golongan belia daerah itu, khususnya yang terjejas dengan pandemik Covid-19.

Pengerusinya, Mukhri Mat berkata, peruntukan sebanyak RM50,000 diberikan oleh Pejabat Parlimen Hulu Terengganu melalui Ahli Parlimennya, Datuk Rosol Wahid yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Menurutnya, idea itu timbul setelah melihat banyak projek fertigasi yang berjaya dan kian berkembang, di samping tekniknya yang lebih mudah.



Anggota Parlimen Hulu Terengganu, Datuk Rosol Wahid (dua orang kanan) turut melihat kemajuan projek tanaman fertigasi timun diusahakan Mukhri (kanan).

tanian ini," katanya. Bagi pakej pertama 2021, MBHT akan memulakan projek tanaman fertigasi cili melibatkan 1,500 pokok di Kampung Kuala Akob, Kuala Berang.

Projek itu katanya, akan dimulakan dalam masa terdekat dan kerja-kerja persediaan sedang dilakukan bagi memastikan kelancaran projek itu.

"Kita mulakan dengan timun kerana ia cepat dituai, hanya ambil masa 40 hari sahaja. Jadi, dengan pengalaman yang ada dan melibatkan kejayaan projek ini, kita akan mulakan tanaman cili pula.

"Peserta juga kita sedang kenal pasti kerana kita nak belia yang benar-benar komited dan minat dengan pertanian. Ini antara faktor penting pemilihan kerana kita nak projek ini berjaya dan menjadi prototaip untuk projek fertigasi akan datang," katanya.

Mukhri menjelaskan, antara harapan besarnya adalah melibatkan penglibatan belia-belia khususnya di Hulu Terengganu dengan pertanian fertigasi.

Disebabkan itu, beliau mengharapkan kerajaan negeri boleh menyediakan tanah yang bersesuaian bagi membolehkan lebih ramai belia terlibat dalam pertanian.

laman bercucuk tani secara tradisional sebelum ini.

"Mereka sebelum ini bekerja sendiri, ada yang bekerja dengan syarikat swasta tapi terjejas disebabkan Covid-19 dan ada yang berniaga atas talian tapi kesemua mereka mengambuni sebagai cabaran.

"Kebanyakannya adalah biadan terjun tapi dengan kepakaran, bimbingan dan khidmat nasihat oleh pejabat pertanian, mereka mampu untuk melaksanakannya. Ia sedikit sebanyak membantu golongan belia kita untuk mendapatkan pendapatan tambahan kerana kita melihat potensi besar dalam bidang per-

ia masih dianggap berjaya kerana kami hanya bermula beberapa bulan dan akan sambung ke musim kedua dalam masa terdekat," katanya.

Projek fertigasi timun MBHT yang terletak di Kampung Sungai Ular, Kuala Berang itu adalah di bawah pengawasan Pejabat Pertanian Daerah Hulu Terengganu dan turut mendapat kerjasama Pejabat Belia Daerah Hulu Terengganu dan Pejabat Parlimen Hulu Terengganu.

Jelas Mukhri, kebanyakan peserta projek tidak mempunyai asas pertanian dan hanya sebahagian sahaja yang berpengalaman

"Peruntukan yang kita dapat agak besar jadi kami telah pecahkan kepada beberapa projek agar lebih ramai belia yang dapat turut serta. Buat peringkat permulaan, kita telah belanjakan RM15,000 untuk tanaman timun dengan penglibatan empat peserta.

"Sebanyak 2,000 pokok timun ditanam di atas tanah seluas seekar. Setiap kali tuai, kita mampu dapat sehingga 150 kilogram.

"Kita anggarankan bagi satu musim, kita mampu tuai sehingga 10 tan tapi disebabkan musim tengkujuh, kita hanya dapat capai separuh daripada itu. Tapi



SEBAGIAN peserta bergambar selepas tamat Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan 2020 di Parit, Perak baru-baru ini.

PPP Perak bimbing 20 peserta kendali program ternak ayam kampung

LATIHAN. Kira-kira 20 peserta menyertai Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan (PLKK) 2020 yang dikendalikan oleh Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) di Dusoon Sara Farm Enterprise

(Dusoon Sara Farm), Kampung Lambor Kanan, Parit baru-baru ini

Program selama dua hari itu memberi peluang kepada para peserta untuk mempelajari secara terperinci mengenai

cara penternakan ayam kampung.

Kursus berkenaan di bimbing oleh pengusaha Dusoon Sara Farm, Firdaus Nazaruddin.

Cara penyembelihan

halal ayam kampung pula dikendalikan oleh Penolong Pengarah Jabatan Agama Islam Perak, Yusri Abdul Rani.

Penutupan program tersebut disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukani,

Komunikasi dan Multimedia negeri Perak, Khairul Shahril Mohamed.

Turut hadir pada program sama ialah Pengurus Besar Korporat Sosial PPPNP, Mohd. Zaid Zulkiffi.

JOHCR

Navigating through rough seas in JB

Kampung Pasir Gudang Baru fishermen, mussel breeders urged to explore other income sources

Stories by REMAR NORDIN
metro@thestar.com.my

KAMPUNG Pasir Gudang Baru, located about 20km from Johor Baru city centre, is a small village that contributes to more than 90% of the country's mussel production. Established in the 1980s, the village back then occupied 12ha of land and had a population of 120 people.

Today, it is home to more than 1,500 people from 200 families, with 40 of the families involved in traditional coastal fishing and mussel breeding activities near Straits of Johor and Sungai Masai.

In 2019, over 1,000 tonnes was harvested by the villagers.

However, rapid development taking place at a nearby industrial area has started affecting villagers and their livelihood. This has led to villagers looking into other sources of income.

Southern Johor Fishermen's Association chairman Azli Mohd Azli said the Johor government has been providing financial aid to fishermen in the area since 2015 under the Johor Fishermen Development Fund.

"The financial aid covers any damage to fishing equipment or dwindling haul caused by ongoing development in the area," he told StarMetro during his visit to Kampung Pasir Gudang Baru fish market.

"This money is even more crucial for us, especially during this pandemic and monsoon season, so we are grateful for the state government's assistance," he said,



A fisherman showing a mature ocean fish that is ready to be sold at the market.

adding that each fisherman would receive RM1,000 annually.

Azli said the state government also requested for the association to find another suitable location to develop as a mussel farm and fish breeding area under its Fishing Industry Zones (ZIP) project.

"The state government has allocated RM300,000 for the new mussel farm and RM400,000 for

the fish breeding project at Sungai Johor riverbank near Pengarang, Kota Tinggi.

"The Malaysian Fisheries Development Board (LKJM) and Fisheries Department are also conducting research on a new mussel farm at Sungai Balang, Muar and Urutai, Melaka," he said.

Azli added that the project was important as it would give the



Azli says it is high time traditional fishermen change their ways of gaining income in order to survive.

country an alternative production site should the mussel farm in Straits of Johor be adversely affected in the future.

"Currently, this is the largest mussel farm in the country and pollution could wipe it out.

"The new project is expected to start in the first quarter of this year and if the new location is suitable, we will expand it," he said, adding that it was high time traditional fishermen changed their ways of gaining an income in order to survive.

The mussel farm project started in 1993, with less than 500m of collector lines involving 20 mussel farm breeders and now, it has grown to 3sq km in size and is managed by 2,000 farmers.

"LKJM has suggested that coastal fishermen head to deeper sea areas, from the current Zone A (5km from shores) to Zone C (30km from shores).

"But there were no takers as a majority were accustomed to their daily fishing routine.

"They prefer spending about four hours at sea and return home, whereas Zone C fishing requires more time at sea and might take weeks before they are able to return," he said.

However, he added that the income would be much higher than what they received now.

"We have to start somewhere if we want this industry to



survive," he said.

Azli said the association had also introduced an ecotourism tour package at the village in December 2019, but plans had to be halted because of the rising number of Covid-19 infections.

"The tour package is meant to be a way for fishermen to increase their income, as they would take tourists or fishing enthusiasts to

Five locations identified for fishing industry zones in state

FISHING Industry Zones (ZIP) will be a main focus of the Johor government this year as it looks to implementing its food security agenda.

State agriculture, agro-based and rural development committee chairman Datuk Samsolbari Jamali said the state has identified five locations across the state to be gazetted as ZIP.

"They are Kesang Laut and Partit Keroma in Muar, Mawai and Sungai Johor in Kota Tinggi as well as Kukup in Pontian.

"However, due to the movement control order, this project is currently on hold and will resume once the pandemic has petered out," he said when met at his office in Kota Iskandar, Johor Baru.

Samsolbari said Mawai, Kesang Laut and Partit Keroma would be developed into mussel farming areas while Kukup and Sungai Johor would be developed into fish farming sites.

He added that the project was

important as there were currently no designated areas in the state for such agriculture activities.

"ZIP is crucial as it will give mussel and fish breeders a chance to generate income without the threat of future development, land reclamation or pollution.

"Identifying each location is also not easy as different products require different habitats to breed.

"For example, mussels need to be bred on collector lines that are tied on a buoy with at least 3m deep water while fish farming requires at least 5m deep water and both farms must be placed on calm waters," he said.

In 2019, Samsolbari said, Johor produced about 1,142 tonnes of mussels, about 93% of the total national output of 1,220 tonnes.

"The mussels are collected from Johor Baru (1,087 tonnes), Kota Tinggi (21), Ledang (20), Batu Pahat (nine) and Pontian (three)," he said.

He said ZIP would also ensure that all breeders were in one des-

ignated location and not scattered across the state.

Johor fishermen also caught 64,139 tonnes of fish from the sea worth over RM558m and produced 15,720 tonnes of fish worth RM275m from agricultural activities in 2019.

"For fish farming, the state hopes that fish breeders can expand their downstream products such as producing dried fish.

"Having a variety of downstream products will expand one's market reach, thus generating more demand and income for the breeder," he said, adding that fish farmers would need to be more creative in marketing their produce.

In 2019, there were 71 registered fish breeders in the state, with over 1,772 tonnes fish produced in Johor Baru alone.

Samsolbari said fishermen should also take the initiative to change from traditional methods and adopt more sustainable and profitable ways of breeding.



Samsolbari hopes fish breeders can expand their downstream products.

"It is not easy to start and manage a fish breeding facility, but we are willing to help anyone who has the same vision and target as the state government.

"This will be a complementary industry to the traditional fishing activities," he said, adding that the government had provided fishermen with aid in the form of boats, engines and fishing nets.

On the topic of mussel farming in the Straits of Johor, Samsolbari



noted that the state government was currently looking for alternative sites to start a mussel farm. "One of the locations identified



Fishermen feeding fish at a farm in Gelang Patah, Johor.

visit the fishing raft at the mussel farm and fish breeding raft in Teiuk Jawa. "Visitors will be shown how mussels are harvested and fish are caught at the farms.

"They will also be taken to a mini mangrove forest to see where the storks nest and other marine life in the area," he said, adding that the cost was RM30 for adults and free for children.

"The people in Pasir Gudang work in industrial areas and they need a place to spend time with their family during the weekend, so this is where the village can fill that need."

Separately, Azli hoped that the state government would allow villagers to transform part of the 10ha land reserve near the village into a housing area for their future generation.



A traditional fish farm near the Kukup Jetty in Pontian, Johor.

is Sungai Johor because moving the current farm to another location is not easy.

"So, we decided that it would

be better to have a new location under the ZIP project to have a more sustainable farm," he said.

City council to tap into agro-tourism potential

PASIR Gudang City Council (MBPG) is in the midst of preparing its Pasir Gudang Local Plan (KTPG), which will reveal the city council's plan on land use according to government policy as well as ensuring sustainable development.

Mayor Asman Shah Abd Rahman said the plan would highlight the potential in each of the 24 zones in Pasir Gudang.

"Kampung Pasir Gudang Baru, for example, has the potential to be turned into a destination for agrotourism, as it is a village surrounded by ongoing development.

"The RTPG will be given to the state government by October this year, so that it can be included in next year's budget," he said when met at his office at Menara Agabah in Johor Baru.

He added that the city council would also provide the villagers with soft skills training to enable them to communicate with visitors who come to their village.

"Each villager involved in agro-tourism activity will also go through training on industry and environmental awareness, business know-how and social media management.

"We have also requested for help from the Housing and Local Government Ministry in developing its infrastructure and road signs," he said.

Asman Shah said the villagers must come up with a more sustainable way of generating income instead of depending fully on what they catch at sea and from the mussel farm.

"Being a full-time fisherman means that there are certain periods where they will not be able to gain income (such as during the monsoon season).

"And if they go on harvesting mussels, that would still not be enough to get them out of their



Asman Shah says MBPG will provide villagers with soft skills training.

B40 status, because they sell their produce as it is without any added value; they can sell their items at a premium price if there is added value.

"They should come up with other ways of selling mussels such as removing the shells, selling it by grade and size, or even selling frozen mussels to add to their income," he said, adding that MBPG was more than willing to help the villagers in this regard.

Asman Shah said all villages in Pasir Gudang were under the jurisdiction of the Pasir Gudang District Office and MBPG could only help through its corporate social responsibility initiatives.

"We can even help them promote their agro-tourism product and brand the place through social media but at the same time, the villagers have to take the initiative to make sure there are activities for visitors," he said.

He added that aside from Kampung Pasir Gudang Baru, MBPG was currently conducting upgrading works at Bukit Layang-Layang Pasir Gudang and moving a ceramic factory from the Pasir Gudang Industrial Area to a more visitor-friendly location.

Programme aims to get B40 fishermen to plant crops

THE Agriculture and Food Industries Ministry has come up with a programme to help fishermen in the B40 group generate more income.

Malaysian Fisheries Development Board (LKIM) Johor director Intan Suhaila Othman (pic) said 245 fishermen have been selected to take part in the programme called the B40 Fishermen Additional Income Development Project.

"The fishermen will be involved in planting cash crops such as chillies, ladies' fingers, sugarcane, banana, ginger and turmeric, which can be harvested within six months after they are planted.

"If successful, they can gain an additional income of RM250 per month," she said.

She added that the fishermen would be divided into groups of 10 and there were nine area fishermen's associations in the state.

"Participants will be given RM1,000 worth of seeds, fertilisers, tools, equipment and pesticide," Intan Suhaila said, adding that each group would have 8sq ft of plantation area, which would be expanded if successful.

Each area will plant a different type of crop and planting is expected to start next month.

For example, Gelang Patah will grow chillies while bananas will be planted in Kukup, Kampung Pasir Gudang Baru in Johor Baru will



focus on sugarcane.

There are also three types of fertigation that the participants could choose from, namely group fertigation, mini fertigation and individual fertigation.

"Aside from providing them with the basic equipment and tools, they will also be given technical training," she said, adding that the Johor Agricultural Department would also be involved in the project.

She said LKIM was currently in the final phase of distributing all the equipment and tools.

The distribution process, which began last October, is expected to be completed next month.

"We hope those who have chosen to take part in this project will do their best to produce high-quality products that are marketable so that they would have another source of income aside from going out to the sea," she added.